

11/07/1998

Yakini barangan tempatan

Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kempen 'Beli Barangan Malaysia' bukan satu tindakan pemulauan terhadap produk import, sebaliknya terpaksa dilakukan kerana negara kini tidak mempunyai wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam kegawatan ekonomi sekarang, jelas Perdana Menteri, rakyat terpaksa menjimatkan perbelanjaan dengan membeli barangan tempatan kerana dengan cara itu, ringgit akan terus beredar di dalam negara dan tidak terlepas keluar.

Kira-kira 70 peratus perdagangan import dan eksport Malaysia dijalankan dengan menggunakan dolar Amerika Syarikat (AS) dan keadaan perlu diubah untuk membantu memulihkan ekonomi negara.

Sambil mengakui Malaysia mengalami kenaikan harga barangan, Dr Mahathir menyeru rakyat berusaha memulihkan masalah itu dengan menaruh kepercayaan dan keyakinan terhadap barangan keluaran tempatan serta membelinya.

"Saya ingin tegaskan di sini bahawa kita bukan memboikot barangan dari luar negara tetapi kita tidak ada duit untuk beli. Kita cuma ada duit sedikit saja kerana kita sudah jadi miskin dan untuk menjimatkan perbelanjaan, kita beli barangan buatan tempatan.

"Anda sayangkan negara ini dan anda tunjukkan dalam cara yang praktikal iaitu dengan membeli barangan buatan tempatan," katanya berucap merasmikan Ekspo Cintai Malaysia '98 anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor serta Jawatankuasa Gerakan Cintai Malaysia, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Perdana Menteri berkata, barangan buatan tempatan bukan saja bermutu tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, malah penghasilannya seperti mikrocip keluaran tempatan digunakan dalam kapal angkasa.

Beliau memberikan contoh kereta nasional, Proton, yang menerima pengiktirafan dunia dengan memenangi pelbagai anugerah di luar negara.

"Ini membuktikan yang Malaysia boleh mengeluarkan barangan dengan kualiti yang bertaraf dunia. Oleh itu, rakyat Malaysia sendiri hendaklah sentiasa menyokong barangan buatan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir juga bercadang mengadakan pertemuan dengan syarikat pengeksport dan pengimport bagi meminta bantuan mereka memulihkan ekonomi negara. Beliau akan mencadangkan kepada mereka supaya meningkatkan eksport negara sebagai salah satu cara yang boleh membantu ekonomi negara.

"Kalau kita boleh mengeksport lebih banyak barangan, kita akan dapat banyak tukaran mata wang asing," katanya sambil menambah, beliau juga akan mencadangkan supaya mata wang negara berkenaan digunakan bagi eksport barangan Malaysia berikutan nilai dolar AS meningkat berbanding ringgit.

Perdana Menteri juga mencadangkan supaya pengimport dan pengeksport tempatan menggunakan pelabuhan tempatan terutama Pelabuhan Klang, selain khidmat perkapalan, insurans dan kemudahan pengangkutan tempatan bagi mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

Beliau berkata, caj Pelabuhan Klang adalah antara yang terendah di dunia dan pengeksport dapat manfaat dengan menggunakan pelabuhan tempatan.

"Syarikat pengeksport dan pengimport perlu menggunakan pelabuhan, kapal dan insurans syarikat tempatan apabila menghantar atau membeli barang dari luar negara.

"Jika kita menggunakan Pelabuhan Klang, menggunakan insurans syarikat

tempatan atau kapal milik Malaysia International Shipping Corporation (MISC) misalnya, atau sekurang-kurangnya pelabuhan dan insurans tempatan, wang kita tidak akan keluar ke negara lain dan kita akan mendapat banyak lagi pendapatan," katanya.

(END)